

14/03/2002

Hubungan Malaysia, Russia dijangka lebih erat

Ahmad Rejal Arbee

MOSCOW, Rabu - Hubungan dua hala antara Malaysia dan Russia dijangka memasuki era kerjasama lebih erat berikutan lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka tiba malam ini.

Lawatan Dr Mahathir kali ini, yang kedua selepas beliau mengunjungi wilayah Khabarovsk dan Buryatia pada Ogos 1999, membuktikan betapa pentingnya Russia kepada Malaysia.

Pemerhati menjangkakan hubungan dua hala Malaysia-Russia yang sebelum ini berada pada tahap baik dan progresif, akan dipertingkatkan berikutan lawatan Perdana Menteri bersama rombongan yang disertai beberapa menteri Kabinet dan menteri besar itu.

Dr Mahathir juga dijadual mengadakan perbincangan dengan Presiden Vladimir Putin selama sejam yang turut disertai Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Ini adalah pertemuan ketiga antara Dr Mahathir dan Putin. Sebelum ini, kedua-dua pemimpin bertemu di Brunei dan Shanghai, semuanya pertemuan sampingan dalam persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Selepas pertemuan peringkat tertinggi, perbincangan rasmi antara delegasi kedua-dua negara akan diadakan.

Delegasi Malaysia dalam lawatan kali ini dijangka menumpukan kepada usaha memperluaskan pasaran bagi barangan Malaysia di samping meningkatkan pelaburan antara kedua-dua negara serta kerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk kesihatan, bioteknologi, kaji cuaca dan alam sekitar.

Hubungan perdagangan antara kedua-dua negara hanya AS\$300 juta setahun. Russia mengimport minyak sawit dan barangan buatan getah manakala Malaysia mengimport barangan besi dari negara itu.

Bagi meningkatkan perdagangan, rundingan sedang diusahakan bagi membolehkan Malaysia memberi kredit sehingga AS\$50 juta dalam usaha meningkatkan penjualan minyak sawitnya di negara ini.

Duta Besar Malaysia di sini, Datuk Kamarudin Mustafa berpendapat potensi meningkatkan dagangan dua hala memang baik dan yakin lawatan yang disertai delegasi 250 orang, termasuk lebih 150 pemimpin korporat, akan berhasil.

Rombongan swasta diketuai Pengerusi Sapura, Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir.

Antara pemimpin korporat yang turut serta adalah Pengerusi DRB-HICOM Tan Sri Mohd Saleh Sulong, Pengarah Urusan YTL Corporation Bhd Tan Sri Francis Yeoh Sock Ping, dan Pengarah Urusan Country Heights Tan Sri Lim Kim Yew.

Turut sama lima menteri dan empat menteri besar serta beberapa orang ketua setiausaha dan ketua pengarah kementerian dan jabatan selain Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan Datuk Iskandar Dzakurnain Badarudin.

Rombongan swasta akan menyertai Forum Perniagaan Malaysia-Russia yang akan berlangsung di Hotel Radisson Slavjanskaya tempat penginapan delegasi.

Dr Mahathir juga akan menyampaikan ucap-tama dan mengadakan dialog dengan lebih 400 orang peserta.

Beliau juga dijangka berdialog dengan 60 orang pelajar Malaysia di sini. Malaysia sejak tahun lalu menghantar sekitar 50 orang pelajar setahun untuk mengikuti pengajian program perubatan di beberapa universiti terkemuka di sini. Ini berikutan dengan pengiktirafan ijazah perubatan dari lima universiti di sini.

(END)